



JABATAN PERDANA MENTERI  
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)

## **TEKS UCAPAN PEMBUKAAN**

**YANG BERBAHAGIA  
DATUK SERI DR. YUSOF BIN ISMAIL  
KETUA PENGARAH MAMPU  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEMPENA:**

***PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM 2021***

**19 OGOS 2021 (KHAMIS)**

## **UCAPAN SALAM**

*Terima kasih kepada Pengerusi Majlis*

**Bismillah hirrahma nirrahiim**

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara

YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

YBhg. Ketua-Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan

Pegawai-Pegawai Kanan MAMPU, Jabatan Perdana Menteri

Wakil-wakil agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

## **PENDAHULUAN**

1. Segala pujian dan kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana dengan izin dan inayahNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari yang indah dan permai ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu alaihi Wassalam.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara kerana sudi meluangkan masa merasmikan **Persidangan Digital Sektor Awam 2021**. Saya yakin kesudian YBhg. Tan Sri Dato' Seri bersama-sama kita pada hari ini, sesungguhnya menunjukkan sokongan dan komitmen yang padu dari pengurusan tertinggi perkhidmatan awam bagi merealisasikan agenda pendigitalan kerajaan.
3. Sebentar lagi kita akan dapat mendengar YBhg Tan Sri Dato' Seri menyampaikan ucapan perasmian, yang saya percaya terkandung di dalamnya ekpekstasi tinggi dan kata-kata nasihat yang akan menjadi **guidance** ataupun **panduan** dan **motivasi** kepada kita sebagai penjawat awam bagi sama-sama mendukung hasrat murni agenda pendigitalan kerajaan.
4. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak **Kementerian Kewangan Malaysia dan Awan Biru Technology Berhad** selaku **rakan strategik MAMPU** dalam menjayakan persidangan ini. Ucapan terima kasih juga kami rakamkan kepada pembentang kertas kerja dan ahli perbincangan panel yang sudi berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang masing-masing yang akan memberi nilai tambah kepada persidangan ini.

## LATAR BELAKANG PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri, Datuk-datuk, tuan- tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Untuk makluman, Persidangan Digital Sektor Awam 2021 ini merupakan kesinambungan kepada Persidangan *Chief Information Officers* (CIO) Sektor Awam yang pertama kali diadakan pada 5 Oktober 2000. Pada tahun 2016, Persidangan CIO Sektor Awam ini telah dinamakan semula sebagai *Public Sector CIO Convention and Exhibition* atau ringkasnya CIO Convex, yang menggabungkan persidangan dan juga pameran. CIO Convex kali terakhir diadakan pada 8 dan 9 Oktober 2019.
6. Kini, selari dengan agenda pendigitalan kerajaan, CIO Convex telah dinamakan sekali lagi kepada Persidangan Digital Sektor Awam yang pada asalnya dijadual diadakan pada tahun 2020, namun terpaksa ditangguhkan akibat daripada pandemik Covid-19 yang melanda negara dan dunia. Tema persidangan iaitu **Norma Baharu Pendigitalan: Memperkasakan Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat** dipilih sejajar dengan senario semasa dan perkembangan pesat teknologi yang perlu kita terokai agar perkhidmatan yang disediakan mampu memenuhi kehendak dan keperluan rakyat.
7. Pada awal tahun 2020, kita berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang merupakan suatu senario yang sama sekali tidak pernah kita bayangkan dan jangkakan akan berlaku. ***We are facing unprecedented situation*** yang memerlukan kita mengubah cara kita menyampaikan perkhidmatan khususnya kepada rakyat yang telah terkesan akibat pandemik ini.

8. Sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab dalam agenda pendigitalan sektor awam, MAMPU sentiasa beriltizam untuk mentransformasikan perkhidmatan awam di negara ini. MAMPU yakin sesuatu perkhidmatan itu akan menjadi lebih mudah, cepat dan selamat jika kita dapat **memanfaatkan sepenuhnya teknologi dan komunikasi ICT yang sedang bergerak pantas pada masa kini.**
  
9. Hasrat yang tersirat dalam tema ini secara khususnya adalah untuk **mengenal pasti peluang dan meningkatkan pengetahuan dalam penerokaan masa depan digital bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan digital kerajaan berteraskan keperluan rakyat.**

Hadirin yang dihormati,

10. **Tiga (3) objektif** telah ditetapkan untuk persidangan hari ini, iaitu:
  - (i) Pertama – Menyediakan **platform perkongsian idea berkaitan keadaan semasa dan arah aliran terkini teknologi** bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan yang berpaksikan rakyat;
  
  - (ii) Kedua – **Mengarusperdanakan konsep “Kerajaan Digital”** dalam penawaran perkhidmatan kerajaan; dan
  
  - (iii) Ketiga – Menyediakan **peluang kerjasama strategik antara agensi Kerajaan dengan akademik dan sektor swasta** bagi merealisasikan pelaksanaan konsep **“Kerajaan Digital”**.

11. **Persidangan ini akan memfokuskan kepada empat (4) bidang, iaitu manusia, proses, teknologi dan data.** Cabaran yang dihadapi bukan hanya untuk memperkenalkan teknologi digital dalam perkhidmatan awam tapi adalah untuk **mengintegrasikan penggunaannya merentasi pelbagai agensi sektor awam** ke arah penyampaian perkhidmatan yang dipacu oleh data dan didorong oleh keperluan rakyat ataupun ***citizen centric*** serta boleh menyumbang kepada daya saing negara di peringkat global.
12. Berdasarkan senario semasa, pendekatan persidangan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan persidangan yang pernah kita hadiri sebelum ini. Melazimi norma baharu, persidangan kali ini diadakan secara maya sepenuhnya tanpa bersemuka bagi membendung penularan pandemik Covid-19.
13. Kami mengalu-alukan para peserta persidangan ini yang terdiri daripada Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan agensi Sektor Awam, Ketua Pegawai Maklumat ataupun CIO serta wakil-wakil dari pelbagai agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
14. Selain daripada ucapan perasmian yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara, **perbincangan panel dan pembentangan kertas kerja** oleh ahli panel dan pembentang yang dijemput khas, para peserta juga berpeluang untuk mengunjungi tapak-tapak pameran produk-produk digital pelbagai agensi kerajaan dan swasta secara maya

tanpa perlu bersemuka yang diadakan secara serentak dengan persidangan ini.

## PERANAN MAMPU SELAKU AGENSI PUSAT

YBhg. Tan Sri Dato' Seri dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

15. Izinkan saya untuk berkongsi sedikit mengenai tindakan yang telah ataupun sedang diambil oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri selaku **focal point agenda pendigitalan kerajaan**. Semenjak penubuhannya, MAMPU telah melaksanakan pelbagai inisiatif pemodenan dan penambahbaikan agar penyampaian perkhidmatan awam di negara kita terus kekal relevan dengan situasi semasa.
  
16. MAMPU yang sejak awalnya dipertanggungjawabkan dalam agenda pemodenan dan pendigitalan Sektor Awam, telah memulakan langkah pada tahun 1996 dengan projek Kerajaan Elektronik atau e-Government, atau lebih dikenali dengan ringkasannya sebagai eGov. eGov di Malaysia telah melalui **tiga (3) era evolusi**, iaitu **eGov 1.0**, **eGov 2.0** dan kini kita berada di era **eGov 3.0** ataupun dikenali sebagai '**Era Kerajaan Digital**' di mana proses pendigitalan berkembang dengan pesat. Untuk makluman kita bersama, pendigitalan adalah proses membangun dan menggunakan teknologi ICT bagi tujuan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan.

17. Melalui pendigitalan, perkhidmatan dapat ditawarkan kepada pelanggan secara dalam talian ataupun *online* menggunakan kemudahan internet. Selaras dengan trend semasa serta keperluan pengguna, pendigitalan perkhidmatan merupakan agenda utama kerajaan bagi mewujudkan **akses yang lebih pantas kepada perkhidmatan yang disediakan.**
  
18. Bagi mendepani cabaran di era pendigitalan, MAMPU telah menyediakan **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025** yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam untuk tempoh lima tahun sebagai panduan kepada agensi sektor awam.
  
19. Melalui Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam ini, tumpuan dapat diberikan secara lebih khusus kepada pengukuhan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bagi mendaya upaya sistem penyampaian yang berimpak tinggi seiring dengan agenda pendigitalan kerajaan. Pelan ini turut menggariskan strategi dan program sebagai panduan kepada Kementerian dan agensi dalam merancang dan melaksanakan inisiatif ICT di agensi masing-masing melalui adaptasi teknologi baharu ataupun *emerging technologies* yang sekali gus dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam.



## PENCAPAIAN TERKINI MAMPU

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri dan hadirin sekalian,

20. Suka saya berkongsi beberapa pencapaian terkini MAMPU, antaranya, **MyGovernment Portal** yang telah dibangunkan dengan kerjasama strategik pelbagai agensi sektor awam telah memenangi **Anugerah Software – IT Services** untuk **Gerbang Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan** dalam **Malaysia Technology Excellence Awards in 2021** anjuran **Singapore Business Review**.
21. **Malaysia Technology Excellence Awards** merupakan acara tahunan yang diadakan bertujuan untuk mengiktiraf usaha agensi atau syarikat di Malaysia melalui pembangunan inovasi teknologi maklumat meliputi perbankan mudah alih, e-dagang termasuklah bioteknologi dan industri *gaming*.
22. **Portal MyGovernment** adalah **Gerbang Rasmi Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan Malaysia** yang menyediakan informasi dan perkhidmatan dalam talian Kerajaan merentas agensi secara berpusat melalui pendekatan peristiwa kehidupan (*Life Events*) dan berpaksikan rakyat. Kini, **sebanyak 25 Kementerian dan 57 agensi Sektor Awam** lain yang turut berkolaborasi dan menjadi rakan strategik dalam penyediaan kandungan dan integrasi perkhidmatan dalam talian untuk portal ini.
23. Sehingga kini terdapat **sebanyak 1,089 naratif disediakan** dan sebanyak **389 perkhidmatan dalam talian kerajaan** telah diintegrasikan dalam portal MyGovernment ini. Kesannya,

**kedudukan Malaysia** untuk *Online Service Index* (OSI) oleh United Nations E-Government Development Index (UNEGDI) telah meningkat dari **tangga ke-40 pada tahun 2016, kepada tangga ke-27 pada 2018** dan seterusnya kepada **tangga ke-24 pada tahun 2020**. Kita mengharapkan dengan adanya portal ni, perkhidmatan secara *End-to-End* dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat dan komuniti perniagaan.

## **PENUTUP**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

24. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya bagi pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara di atas kehadiran dan sokongan padu kepada penganjuran Persidangan Digital Sektor Awam 2021 yang pertama kali kita adakan ini.
  
25. Terima kasih juga saya ucapkan sekali lagi kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia, Awan Biru Technology Berhad, pembentang-pembentang kertas kerja, ahli-ahli perbincangan panel dan para peserta persidangan dari pelbagai agensi sektor awam, badan berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Institut Pengajian Tinggi Awam yang telah sama-sama berganding bahu dalam menjayakan persidangan ini. Sebagaimana yang Helen Keller, seorang aktivis terkenal Amerika Syarikat suarakan, "***Alone we can do so little; together we can do so much.***"

26. Sama-samalah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga persidangan ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya. Pihak MAMPU selaku penganjur amat mengalu-alukan sebarang cadangan dan pandangan bagi menambah baik persidangan ini dan Insya Allah kita akan berjumpa lagi pada tahun hadapan.

Sekian.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.